

**PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 77

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah status permohonan pembinaan jalan raya bertar dari Kg. Tarawas ke Kg. Kaingaran (projek ini termasuk salah satu dari senarai keutamaan Kerajaan Negeri Sabah) yang mana telah dikemukakan kepada pejabat Kementerian Ekonomi untuk mendapat ulasan dari Unit Perancang Ekonomi. Adakah pihak Kerajaan bersedia untuk meluluskan pembinaan jalan bertar sejauh 10km dahulu untuk tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Ranau, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah menerima permohonan bagi pembinaan jalan raya bertar dari Kg. Tarawas ke Kg. Kaingaran di bawah pelaksanaan *Rolling Plan 4 Tahun 2020, RMKe-11*. Permohonan tersebut masih di dalam pertimbangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 78

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan

- a) apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi menyelesaikan masalah kewangan yang amat meruncing yang dihadapi oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan Berhad (FELCRA); dan
- b) apakah mereka yang melakukan penyelewengan dalam FELCRA telah dibawa ke muka pengadilan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELCRA Berhad telah menyusun inisiatif dan strategi kewangan jangka pendek dan jangka panjang bagi memperbaiki kedudukan kewangan Syarikat.

- a) Bagi inisiatif jangka pendek, FELCRA telah melaksanakan strategi dengan memberikan tumpuan terlebih dahulu kepada usaha mempertingkatkan kecekapan (*efficiencies*) operasi perladangan dan perkilangan, iaitu produktiviti sawit dari 15.74 mt/hektar pada tahun 2018 kepada 17.91

mt/hektar pada tahun 2019. Manakala kadar perahan minyak (*OER*) akan dipertingkatkan dari 18.22% pada tahun 2018 kepada 19% pada tahun 2019.

- b) FELCRA juga telah mendapatkan kelulusan Kerajaan bagi membolehkan agensi tersebut mendapatkan kemudahan-kemudahan pinjaman bank (*bank facilities*) daripada bank-bank komersial, yang akan digunakan untuk pembiayaan modal kerja (*working capital*) operasi ladang.
 - c) Kerajaan juga telah meluluskan bantuan pinjaman sebanyak RM73 juta bagi membiayai Bantuan Sara Hidup kepada lebih 19,000 orang peserta FELCRA dalam kalangan B40 yang terlibat dengan tanam semula. Bayaran telah pun dibuat pada awal Jun yang lalu, iaitu merupakan pembiayaan tunggakan daripada bulan Ogos 2018 hingga Mei 2019.
 - d) Kerajaan turut bersetuju untuk FELCRA menangguhkan bayaran balik hutang kos pembangunan ladang kepada Kerajaan bagi tempoh 2 tahun yang melibatkan impak kewangan sebanyak RM180 juta.
2. Dimaklumkan bahawa FELCRA juga telah melaksanakan audit pengurusan dan terdapat beberapa kes yang kini sedang di dalam siasatan lanjut pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sekian, terima kasih.